

26/10/1998

DAP saran penyelesaian secara damai

KUALA LUMPUR, Ahad - DAP mengutuk kejadian rusuhan yang berlaku di ibu kota semalam dan menyeru supaya semua pihak mencari jalan damai untuk menangani masalah itu.

Setiausaha Agungnya, Lim Kit Siang, dalam satu kenyataan berkata rusuhan bukan budaya rakyat Malaysia, tetapi pihak berkuasa perlu memberi lebih banyak ruang kepada orang ramai menyatakan pendirian mereka.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Ahmad Azam Abdul Rahman, pula berkata masalah itu perlu ditangani dengan berhemah bagi mengelak kejadian tidak diinginkan berulang, sehingga mengorbankan nyawa.

Menurutnya, kejadian itu boleh dielakkan jika pihak terbabit mematuhi undang-undang serta bertindak mengikut peraturan ditetapkan.

"Mereka yang terbabit dalam reformasi dan pihak polis perlu mematuhi peraturan. Berikutan itu, kerajaan perlu memberi kelonggaran kepada pihak yang tidak berpuas hati terhadap sesuatu isu menyatakan pandangan mereka dalam perjumpaan tertutup," katanya.

Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Aziz Shamsuddin, mendakwa reformasi yang dianjurkan oleh penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim, didalangi ejen Amerika Syarikat yang sengaja ingin membuat negara ini menjadi miskin.

Menurutnya, ada pihak tertentu yang berusaha membinasakan bangsa yang sedang dibina oleh kerajaan.

Katanya, tindakan menganjurkan demonstrasi oleh golongan tertentu bertujuan melemahkan kerajaan dan memecah-belahkan orang Melayu.

"Jika ini berlaku, kejayaan dan kesenangan yang dinikmati sekarang akan musnah. Rusuhan boleh menjejaskan sektor perniagaan dan pelabur akan takut untuk melabur di negara ini," katanya, di Temerloh.

Sementara itu, Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak) akan menghantar satu memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membantah penafian hak rakyat untuk berhimpun secara aman seperti yang diizinkan dalam Perlembagaan Perkara 10 (1).

Kenyataan akhbar yang dibacakan wakilnya yang juga Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Syed Husin Ali, menyebut memorandum itu akan dihantar segera kepada Perdana Menteri.

Kenyataan itu mendakwa bahawa penafian hak rakyat untuk berhimpun secara aman itu didakwa menjadi punca utama ketegangan akhir-akhir ini.

"Rakyat berhak mengadakan perhimpunan secara aman dan polis perlu menghormati hak berkenaan yang turut diperuntukkan dalam perlembagaan.

"Seandainya berlaku kejadian buruk akibat kekerasan dan penafian hak rakyat untuk berhimpun secara aman, maka Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri perlu bertanggungjawab," katanya pada sidang akhbar di Markas Tarbiyyah Pas Pusat.

Di samping itu, Gerak turut menggesa pihak kerajaan memulakan dialog dengan rakyat termasuk parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) demi perpaduan dan menghormati hak asasi rakyat.

(END)